

RENCANA UTAMA

Oleh: Mohd. Azhar/Abd. Hamid dan Kassim Thukiman

IDEALISME, GAGASAN DAN WAWASAN PERDANA MENTERI

MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA

Idealisme, gagasan dan wawasan merupakan perkataan yang sering diperkatakan apabila menyorot tentang seseorang tokoh penting dan ternama seperti Perdana Menteri. Secara ringkasnya, idealisme bermaksud melihat atau mencita-citakan sesuatu dalam bentuk yang ideal. Hal ini merupakan sebuah cita-cita dan impian yang menjadi hasrat seseorang untuk dijemakan dalam bentuk yang sempurna.

Gagasan pula merupakan idea dan buah fikiran. Wawasan pula bermaksud berpandangan jauh terhadap sesuatu yang ingin dicapai pada masa hadapan. Ketiga-tiga perkataan ini sangat berkaitan dengan keunggulan pemikiran seseorang sebagai pemimpin. Seorang pemimpin yang berkualiti sewajarnya memiliki idealisme, gagasan dan wawasan yang dihasratkan khususnya dalam konteks untuk membina negara.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks sistem demokrasi, pemikiran pemimpin tidak boleh dipaksakan ke atas rakyat dan negara seperti yang berlaku dalam kalangan negara sosialis-komunis. Di Malaysia, idealisme, gagasan dan wawasan pemimpin dibina secara penyertaan, terancang dan terangkum. Hal ini merupakan suatu proses resiprokal dan merakyat, iaitu dari atas ke bawah dan di bawah ke atas. Pemikiran seseorang pemimpin itu dicorakkan oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran sehingga mampu menjadi seorang tokoh pemimpin yang disegani dan dihormati oleh kawan dan lawan.





Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (1957–1970) menerajui kepimpinan negara selama hampir 13 tahun.

Nelson Mandela, Mahatma Ghandi dan Lee Kuan Yew antara contoh pemimpin dunia yang terbukti memiliki idealisme, gagasan dan wawasan dalam mencorakkan masa hadapan rakyat dan negaranya. Oleh itu, idealisme, gagasan dan wawasan adalah perkataan penting dan sesuai dibincangkan dalam konteks kepimpinan Perdana Menteri di Malaysia.

Sejak 65 tahun dahulu, sebanyak 10 Perdana Menteri telah bertukar ganti. Setiap kali bertukar tampuk kepimpinan, pastinya rakyat akan tertunggu-tunggu idealisme, gagasan dan wawasan yang akan dibawa oleh Perdana Menteri yang baharu. Idealisme, gagasan dan wawasan daripada seorang pemimpin tertinggi seperti Perdana Menteri sangat penting dalam menentukan corak pembangunan sesebuah negara bangsa dalam jangka panjang yang tidak hanya terjadi di Malaysia, malah di negara lain atau seluruh dunia. Hala tuju dan masa hadapan negara terletak sepenuhnya kepada kebijaksanaan Perdana Menteri dalam usaha melakar rupa bentuk negara berdasarkan idealisme, gagasan dan wawasannya. Oleh itu, amat penting untuk negara memiliki seorang Perdana Menteri yang bukan sahaja memiliki idealisme, gagasan dan wawasan, tetapi juga kebijaksanaan (hikmah) bagi mencorakkan masa hadapan rakyat dan negara.

Di Malaysia, Perdana Menteri merupakan pemimpin tertinggi dalam bidang eksekutif dan pentadbiran negara. Seorang pemimpin dipilih atas perkenan Yang di-Pertuan Agong setelah memenangi Pilihan Raya Umum dengan mendapat majoriti. Secara tradisi, ketua bagi beberapa komponen parti politik yang menang secara majoriti dalam pilihan raya umum akan dilantik secara automatik sebagai Perdana Menteri. Dalam Perlembagaan Persekutuan menyebutkan Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti

ahli Dewan Rakyat, mengikut Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Di Malaysia, idealisme, gagasan dan wawasan seperti menjadi suatu kemestian yang perlu dimiliki oleh seorang Perdana Menteri, iaitu bermula sejak era Perdana Menteri pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Transformasi pembangunan negara agak ketara pada zaman Tun Abdul Razak Hussien menerusi Dasar Ekonomi Baharu. Seterusnya, semasa era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad selama 22 tahun, rakyat Malaysia dapat menikmati pelbagai pembaharuan yang diperkenalkan kepada rakyat dan negara. Selepas berakhirnya zaman pemerintahan Tun Dr. Mahathir; legasi idealisme, gagasan dan wawasan seperti yang dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir diteruskan oleh Perdana Menteri selepas itu. Secara sederhana, idealisme, gagasan dan wawasan seorang Perdana Menteri merangkumi pemikiran, hasrat dan hala tuju negara tentang matlamat pembangunan sosioekonomi, sosiobudaya dan psikososial yang ingin dicapai dalam tempoh kepimpinannya.

Sejarah peradaban dan keagungan kerajaan Islam Andalusia mampu bertahan hampir lapan abad (711–1492 Masihi) adalah contoh terbaik yang memperlihatkan aspek kepimpinan yang memiliki idealisme, gagasan dan wawasan yang jelas dan terjangkau kerana mampu membina peradaban dalam tempoh yang panjang. Idealisme, gagasan dan wawasan tersebut bersilih ganti dengan senarai panjang kepimpinan khalifah Ummayyiah bermula dengan Abdul Rahman Al-Dakhil (755–788 Masihi) dan



Kerajaan Islam Andalusia.



berakhir dengan Hisyam III (1027–1031 Masihi). Idealisme, gagasan dan wawasan yang berkesinambungan selama berabad-abad inilah akhirnya menyerlahkan Andalusia sebagai kota ilmu termoden di Eropah. Pada zaman keemasan Andalusia, negara tersebut berjaya melahirkan banyak tokoh saintis, ahli falsafah dan budayawan yang turut memberikan kesan kepada dunia lain termasuklah Eropah dalam pelbagai bidang seperti sains, matematik, falsafah, perubatan, botani, pertanian, kejuruteraan dan sains sosial. Dengan idealisme, gagasan dan wawasan yang jelas dan terjangkau, maka Andalusia serta kota-kota lain seperti Cordoba, Malaga dan Sevilla menjadi kota metropolitan termaju di Eropah pada abad ke-10, sedangkan kota lain seperti London dan Paris masih berada dalam kegelapan pada ketika itu.

Berdasarkan pengalaman Malaysia, Tunku Abdul Rahman (1957–1970), menerajui kepimpinan negara selama hampir 13 tahun. Dalam tempoh yang agak panjang inilah, Tunku beriltizam untuk mengisi agenda kemerdekaan negara dengan penuh makna. Menurut beliau, setelah kita mencapai kemerdekaan, tugas utama kita adalah untuk membangunkan negara, menyatupadukan rakyat dan mengadakan kerjasama antarabangsa. Beliau yang terkenal sebagai bapa kemerdekaan telah membangunkan idealisme, gagasan dan wawasan pemerintahannya menerusi etos politik dan budaya. Pada hemat beliau, kemerdekaan akan memberikan makna kepada masyarakat sekiranya kerjasama dan perpaduan kaum dapat diperkukuh. Kemerdekaan tidak dapat dipertahankan sekiranya semua kaum enggan bekerjasama, apatah lagi bagi mengekang ideologi komunisme yang berkembang di Tanah Melayu dan seluruh Asia pada akhir 1950-an. Pada peringkat awal ini, kemerdekaan yang baru dikecap tersebut penting dalam membina rupa bentuk sebuah negara bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Pada ketika ini, tentulah keutamaan diberi kepada usaha mengukuhkan *esprit de coup* dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Malah peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, menjadi batu tanda penting keperluan terhadap kestabilan politik agar perpaduan nasional terus diperkukuh. Jika tiang asas ini kukuh, maka lebih mudah perjalanan ke arah



Tragedi 13 Mei 1969.



pembangunan sebuah negara bangsa pada masa hadapan. Pada umumnya, Tunku telah dikatakan berjaya membina tapak asas yang kukuh bagi perjalanan sebuah negara bangsa. Segala asas dan keperluan sebuah negara bangsa yang berdaulat dan merdeka telah dipersiapkan dengan terhasilnya Perlembagaan Persekutuan yang menjadi kerangka dan panduan dalam bernegara. Segala keperluan bernegara termuat dan diperincikan dalam dokumen Perlembagaan Persekutuan agar generasi akan datang tidak hilang arah dalam memahami pelbagai perkara yang berhubung dengan agama Islam, hak keistimewaan orang Melayu, keistimewaan Raja-raja, tanggungjawab kerajaan Persekutuan dan hal-hal kuasa kerajaan negeri.

Tragedi 13 Mei 1969 menyebabkan Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Kepimpinan Tun Abdul Razak Hussien (1970–1976) turut melalui enam tahun yang mencabar khususnya untuk meneruskan legasi kepimpinan Tunku dan melihat realiti baharu yang sedang berlaku, iaitu masalah

kemiskinan dan perpaduan kaum. Tun Abdul Razak yang dikenali sebagai bapa pembangunan luar bandar dan perpaduan ini telah bekerja keras dalam memastikan idealisme, gagasan dan wawasan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara bangsa pelbagai kaum menjadi realiti.

Projek terbesar yang diperkenalkan ialah Dasar Ekonomi Baharu (1970–1990). Menerusi agenda besar ini, Tun Abdul Razak memperkenalkan pelbagai inisiatif penting seperti *Buku Merah* pada peringkat Kementerian dan agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan lain-lain yang menjadi nadi kepada pembangunan masyarakat Melayu dan luar bandar. Bidang pertanian pula dilihat sebagai inisiatif penting bagi memajukan masyarakat luar bandar menerusi teknologi yang lebih moden bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan rakyat. Selain itu, Tun Abdul Razak turut memperkukuh perpaduan kaum dengan memperkenalkan Dasar Pendidikan Nasional bagi membolehkan semua pelajar memperoleh akses pendidikan asas dengan ciri-ciri sosiobudaya Malaysia.

Selepas itu, Tun Hussien Onn (1976–1981) kemudiannya menerajui Malaysia dalam tempoh lima tahun. Beliau dikenali sebagai bapa diplomasi dan perpaduan. Idealisme yang cuba diketengahkan oleh beliau memfokuskan usaha mewujudkan rangkaian kerjasama dengan negara luar seperti Amerika Syarikat, Rusia, England, Jepun dan China. Pada masa yang sama, kerajaan pimpinannya turut memperkukuh perpaduan masyarakat



Barisan Perdana Menteri yang telah menterjemahkan idealisme dan gagasan masing-masing dalam membangunkan negara yang merdeka.

pada peringkat wilayah dan negara. Selepas hampir 20 tahun merdeka, Tun Hussein berpandangan bahawa hubungan diplomatik dengan negara selatan dan utara mesti dipererat. Justeru, Tun Hussein melihat kepentingan hubungan diplomatik global perlu diimbangi dengan keperluan memupuk perpaduan masyarakat di tanah air sendiri. Latar belakangnya sebagai seorang pegawai tentera berpengalaman turut memberikan kesan terhadap idealisme, gagasan dan wawasannya dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan selamat terutamanya daripada ancaman pengaruh luar. Keutamaan diberi kepada pembangunan sistem pertahanan negara, di samping mengasaskan penubuhan pasukan Relawan Rakyat (RELA) dan Rukun Tetangga bagi mengukuhkan sistem keselamatan awam.

Pada tahun yang berikutnya, Tun Dr. Mahathir (1981–2003) kemudiannya menerajui Malaysia selama 22 tahun. Beliau merupakan Perdana Menteri terlama dalam sejarah negara. Idealisme beliau dalam menerajui Malaysia turut dipengaruhi oleh latar belakang kerjayanya, iaitu sebagai seorang doktor perubatan. Selama 22 tahun dalam pemerintahan, Tun Dr. Mahathir telah berjaya membawa idea-idea pembangunan moden menerusi pelbagai polisi, agenda dan program. Idealisme yang lebih bersifat pragmatik ini ditonjolkan menerusi pelbagai polisi, agenda dan program yang diperkenalkan seperti penswastaan, persyarikatan, perindustrian, sains, teknologi dan kejuruteraan diberi keutamaan pada semua peringkat pendidikan. Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan antara lain

bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan selain bergerak ke arah sebuah negara industri seperti Korea Selatan dan Jepun. Oleh itu, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) diwujudkan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian dan perkhidmatan serta menjana pendapatan. Ternyata, idealisme bersifat pragmatik ini telah mentransformasikan rupa bentuk Malaysia, yakni daripada dasar negara yang berasaskan pertanian kepada negara perindustrian. Malaysia mencapai antara pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan di Asia dalam tempoh yang agak panjang.



Selain itu, antara aspek yang menjulang nama Tun Dr. Mahathir sepanjang pemerintahannya adalah idealisme yang diperkenalkannya pada tahun 1991, iaitu Wawasan 2020. Wawasan 2020 adalah satu daripada jenama Tun Dr. Mahathir yang amat signifikan apabila menyebut tentang idealisme, gagasan dan wawasan. Wawasan 2020 merangkumi sembilan cabaran antara lain menitikberatkan isu pembangunan sosioekonomi, sosiobudaya dan psikososial bangsa Malaysia. Hal ini penting bukan sahaja untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, malah juga untuk membina sebuah negara bangsa yang memiliki identiti dan jati diri. Pada peringkat global pula, Tun Dr. Mahathir turut diiktiraf sebagai jurucakap dunia ketiga (ASEAN, NAM, APEC, EAEC negara Selatan-Selatan) dalam mengetengahkan isu penting seperti isu keamanan di Palestin dan Bosnia serta eksploitasi Barat dalam perdagangan dan ekonomi. Suaranya didengar dan diberi perhatian khususnya oleh kuasa besar.

Malah dalam konteks Pertubuhan Negara Islam (OIC), beliau turut

merembeskan pemikirannya tentang idea-idea pembangunan, pemodenan dan pembebasan dalam persidangan dan mesyuarat penting oleh ketua-ketua kerajaan. Tun Dr. Mahathir antara Perdana Menteri yang banyak mengungkap pelbagai slogan seperti Bersih, Cekap dan Amanah bagi mengukuhkan idealisme, gagasan dan wawasannya dalam tempoh pentadbirannya selama dua dekad itu. Wawasan 2020 mendapat publisiti yang meluas di pelbagai peringkat. Slogan tersebut mudah disebut dan diingati sama ada oleh kanak-kanak mahu pun orang dewasa. Umumnya, rakyat memahami bahawa Wawasan 2020 merupakan suatu usaha yang digerakkan oleh kerajaan untuk mencapai sebuah negara maju berasaskan acuan sendiri. Tun Dr. Mahathir bertuah kerana dapat memimpin dan mentadbir negara dalam tempoh yang panjang. Tempoh ini begitu sesuai untuk melihat kesan daripada idealisme, gagasan dan wawasannya. Namun begitu, secara sederhana dapat dinyatakan bahawa Wawasan 2020 tidak benar-benar membuahkan hasil yang dihasratkan terutamanya untuk menjadi sebuah negara mengikut acuan sendiri.

Sementara itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003–2009) atau lebih dikenali sebagai Pak Lah, merupakan pemimpin berlatarbelakangkan pendidikan Islam sekali gus menyuntik idealisme Islam yang bercorak sederhana dalam pentadbirannya. Selama enam tahun tempoh pentadbirannya, beliau telah mengangkat suatu agenda penting selari dengan idealisme, gagasan dan wawasannya, iaitu Islam Hadhari. Islam Hadhari adalah suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara yang bersifat menyeluruh,





berdasarkan perspektif tamadun Islam. Idealisme Pak Lah yang dipacu menerusi Islam Hadhari ini juga adalah untuk melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai kekuatan rohani, akhlak, intelektual, material, mampu berdaya, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai. Sebanyak 10 cabaran telah diperkenalkan bagi mencapai idealisme tersebut. Sungguhpun pada peringkat awal, ideanya ditentang kuat oleh banyak pihak khususnya oleh PAS, namun Islam Hadhari dapat bertahan dan memberikan imej baik kepada Pak Lah sehinggalah beliau mengundurkan diri. Selain itu, pelbagai komitmen baharu turut diperkenalkan seperti Pelan Integriti Nasional (PIN), iaitu antara idea besar yang kemudiannya mencetuskan kesedaran berintegriti dalam kalangan masyarakat. Malah idea, konsep dan amalan Islam Hadhari pula dikatakan sebagai penambahbaikan daripada Wawasan 2020.

Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (2009–2018) menggantikan Pak Lah pada ketika persaingan ekonomi dan geopolitik dunia semakin sengit khususnya antara Amerika Syarikat dengan China. China mula bangkit sebagai gedung besar ekonomi dunia dengan memiliki teknologi, sumber manusia dan modal yang besar. Dengan situasi yang sedang berlaku pada peringkat global, beliau berasakan amat perlu bagi meningkatkan sistem penyampaian kerajaan yang berkesan. Hal tersebut penting sebagai usaha memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang lebih unggul selain mengukuhkan perpaduan dan kesepaduan sosial. Oleh itu, Dato' Sri Najib memperkenalkan gagasan 1Malaysia sebagai idealisme yang menurutnya adalah untuk penguatan daripada Wawasan 2020 dan Islam Hadhari.

Secara ringkasnya, gagasan 1Malaysia berusaha mengikat kesemua kaum secara sukarela dan saling memahami keperluan serta kehendak bersama dalam membangunkan negara. Menerusi slogan "Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan" pula menjadikan gagasan 1Malaysia mudah disebut dan difahami

oleh rakyat biasa. Gagasan 1Malaysia direncanakan dengan strategi serampang dua mata, iaitu menerusi Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Kedua-dua strategi ini beroperasi dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan ke-11. Model Baru Ekonomi Malaysia turut diperkenalkan sebagai inisiatif meningkatkan produktiviti, daya saing negara dan menjana ekonomi berpendapatan tinggi. Antara idealisme, gagasan dan wawasan yang menarik sepanjang pentadbirannya dan kekal sehingga kini termasuklah Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang memberikan banyak kemudahan kepada rakyat dalam urusan rasmi dengan agensi-agensi kerajaan. UTC telah mendapat pengiktirafan daripada Bank Dunia, agensi-agensi Komenwel dan negara ASEAN. Walau bagaimanapun, sedikit mencatatkan idealisme, gagasan dan wawasan 1Malaysia apabila beliau dikatakan terbabit dengan isu kewangan terbesar, iaitu 1MDB. Reputasinya sebagai seorang pemimpin negara sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap parti politik pimpinannya, iaitu UMNO pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).



Setelah hampir dua penggal Dato' Sri Najib berkuasa, PRU-14 lalu telah melakar kemenangan besar kepada pakatan pembangkang, iaitu Pakatan Harapan (PH). Tun Dr. Mahathir (2018–2020) telah mencipta sejarah negara apabila dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua dan berjaya mengekalkan kuasa selama 22 bulan. Dalam usia yang sangat lanjut itu, Tun Dr. Mahathir dilihat banyak pihak masih berkemampuan untuk merealisasikan idealisme lalunya yang masih belum diselesaikan, iaitu Wawasan 2020. Tun Dr. Mahathir telah mengagagas

wawasan baharu yang disebut sebagai Wawasan Kemakmuran Bersama. Tidak banyak daripada perkara yang dihasratkan menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama itu dapat direalisasikan. Tempoh yang singkat ini seolah-olah tidak memberikan impak besar kepada rakyat dan negara. Oleh sebab tempoh yang singkat ini menyebabkan Tun Dr. Mahathir masih dikenali kerana Wawasan 2020. Peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Ketujuh akibat ketidakstabilan politik telah mencetuskan "Langkah Sheraton" yang diketuai oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin dan disokong oleh rakan-rakan politik daripada Bersatu, PAS, UMNO, Pejuang dan Warisan

Tan Sri Muhyiddin Yassin (2020–2021), mentadbir negara dalam tempoh hampir 14 bulan setelah berjaya meruntuhkan kerajaan Pakatan Harapan bukan menerusi pilihan raya. Tidak dinafikan bahawa zaman pentadbirannya amat mencabar khususnya dari segi cabaran aspek kesihatan dan ekonomi. Akibat pandemik COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan antara langkah agresif yang diperkenalkan untuk mengekang penularan COVID-19 dalam skala yang lebih besar. Pendekatan ini menyebabkan pelbagai masalah lain muncul seperti kekurangan bekalan makanan, kematian akibat jangkitan COVID-19, pengangguran, peningkatan kos sara hidup, tekanan, kemurungan, bunuh diri dan lain-lain. Tiada idealisme, gagasan dan wawasan yang jelas dibawa oleh Tan Sri Muhyiddin melainkan perkara yang lebih penting pada ketika itu adalah untuk kelangsungan hidup rakyat. Tidak banyak yang dapat dilakukan oleh Tan Sri Muhyiddin dalam situasi seluruh dunia bergelut dengan wabak COVID-19.

Slogan "Bersih dan Stabil" tidak mampu bertahan lama untuk mengekalkan beliau sebagai Perdana Menteri Kelapan. Namun begitu, beliau amat disenangi dalam kalangan masyarakat biasa sebagai "Abah". "Abah" itu digambarkan memiliki sifat penyayang, bertanggungjawab, prihatin dan sentiasa peduli akan nasib rakyat

ketika situasi kritikal seperti pandemik COVID-19. Antara idea yang diperkenalkan termasuklah pengeluaran simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pelbagai bantuan yang disalurkan menerusi pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Walau bagaimanapun, projek Jana Wibawa sedikit sebanyak mencalarakan reputasi dan keprihatinan "Abah" yang diperlihatkannya dalam tempoh yang singkat itu. Beliau terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri apabila beliau kehilangan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat berikutan 15 ahli Parlimen UMNO menarik sokongan terhadapnya. Peletakan jawatan ini selari dengan Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut "Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri".

Peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin membuka peluang kepada Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob (2021–2022) menjawat jawatan Perdana Menteri Kesembilan dan berkuasa dalam tempoh 15 bulan. Beliau merupakan seorang daripada kepimpinan UMNO yang mendapat kelebihan pada ketika berlakunya krisis kepimpinan UMNO. Idealisme, gagasan dan wawasan yang dibawanya dalam mentadbir negara dalam tempoh yang singkat itu ialah Keluarga Malaysia. Pada ketika hubungan kaum sedikit bermasalah kesan daripada sentimen kaum dan agama semasa PRU-14, gagasan Keluarga Malaysia sangat relevan untuk diperkenalkan. Menerusi konsep ini, beliau berharap dapat menyatukan pemikiran, tindakan dan hubungan antara kaum di Malaysia seperti yang wujud sebagai sebuah keluarga besar. Namun begitu, idealisme, gagasan dan wawasan ini tidak mencapai tahap kematangan dan terhenti di pertengahan jalan apabila PRU-15 diadakan pada bulan November 2022.


Dato' Seri Anwar Ibrahim (2022–kini) merupakan Perdana Menteri Ke-10 dan tempoh pentadbirannya baru sahaja menjangkau sembilan bulan. Banyak pemerhati politik menyifatkan Dato' Seri Anwar sebagai Perdana Menteri yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama. Pengalamannya yang luas sebagai kerajaan dan pembangkang menjadikan beliau layak diangkat sebagai Perdana Menteri. Selepas dua bulan menduduki puncak kuasa, Dato' Seri Anwar memperkenalkan idealisme, gagasan dan wawasan kepimpinannya, iaitu Malaysia MADANI. Bagi yang mengikuti perkembangan Dato' Seri Anwar sejak sekian lama, MADANI bukanlah konsep

yang baru diperkenalkannya. Malah ketika beliau menjawat Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1993–1998), konsep ini telah pun diuar-uarkan kepada umum. Sepanjang beliau bergiat sebagai aktivis sosial dan ahli politik, konsep Madani sentiasa membasahi bibirnya dalam pelbagai ucapan di persidangan nasional mahu pun global. Menerusi Malaysia MADANI, beliau beriltizam untuk membangunkan suatu bangsa Malaysia yang memiliki enam ciri seperti kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Selain gagasan Malaysia MADANI, Dato' Seri Anwar Ibrahim turut beriltizam untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuiah dengan tata kelola yang berintegriti di semua peringkat pentadbiran. Beliau juga berusaha membina sebuah masyarakat dengan pembangunan ekonomi yang manusiawi serta mengambil kira keperluan manusia dan alam seajagat. Malah beliau cuba menonjolkan pendekatan Islam yang lebih dinamik, progresif dan *rahmah* dengan menyerlahkan Islam sebagai rahmat untuk sekalian alam – *Rahmatan lil 'Alamiin*.

Dalam tempoh enam bulan pertama pentadbiran beliau, banyak perkara yang telah ditambah baik khususnya berkaitan dengan amalan tadbir urus, pelaburan dan perdagangan, membanteras ketirisan dan penyelewengan, mengambil langkah keras terhadap ekonomi bayangan serta menghindarkan kronisme dan nepotisme. Akan tetapi, cabaran yang dihadapi oleh Dato' Seri Anwar tidak mudah dan berliku. Pihak pembangkang seolah-olah tidak mengiktiraf penubuhan Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh beliau dan sentiasa mencari jalan untuk meruntuhkannya. Malah apa-apa jua idealisme, gagasan dan wawasan yang diperkenalkan sentiasa dianggap tidak betul, liberal dan tidak mengutamakan kepentingan Melayu dan Islam.

Ekoran itu, terdapat beberapa analisis yang boleh dijelaskan di sini, antaranya termasuklah sesuatu idealisme, gagasan dan wawasan amat penting kepada seorang Perdana Menteri sebagai hala tuju pembangunan masa hadapan negara bangsa. Idealisme, gagasan dan wawasan seorang Perdana Menteri itu ada kalanya mencapai kejayaan, namun tidak kurang pula pencapaiannya dianggap sebagai gagal dan langsung tidak dibincangkan hingga kini. Tempoh masa sesuatu pentadbiran Perdana Menteri penting dalam melaksanakan idealisme, gagasan dan wawasannya. Tempoh pentadbiran yang singkat seperti yang berlaku kepada tiga Perdana Menteri antara tahun 2018



hingga 2022 amat singkat (22 bulan - Tun Dr. Mahathir Mohamad, 15 bulan - Tan Sri Muhyiddin Yassin dan 14 bulan - Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob) menjadikan gagasan masing-masing tidak dapat direalisasikan. Maka, kestabilan politik amat penting dan bermakna bagi seorang Perdana Menteri dalam mengotakan segala idealisme, gagasan dan wawasannya.

Idealisme, gagasan dan wawasan seorang Perdana Menteri dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti latar belakang keluarga, pendidikan, kerjaya, badan pemikir (*think tank*) serta faktor domestik dan global sebelum atau semasa pemerintahan setiap Perdana Menteri. Jika Perdana Menteri Ke-10 dijadikan contoh, latar belakangnya sebagai aktivis sosial, pemimpin belia, pemimpin pembangkang, penasihat kewangan, profesor pelawat, pengalaman dipenjarakan dan pengalaman diplomatik global sedikit sebanyak mempengaruhi idealisme, gagasan dan wawasannya sehingga melahirkan gagasan Malaysia MADANI.

Secara umumnya, berdasarkan idealisme, gagasan dan wawasan kesemua Perdana Menteri tersebut dapatlah dinyatakan bahawa terdapat beberapa titik sentuh serta tumpuan utama dalam membangunkan sebuah negara bangsa iaitu:

- i. Meningkatkan keberkesanan tadbir urus menerusi pentadbiran yang dinamik, progresif dan berintegriti.
- ii. Meningkatkan kesejahteraan, kemakmuran, taraf dan kualiti hidup rakyat.
- iii. Menyediakan akses pendidikan, kesihatan dan pelbagai kemudahan sosial yang diperlukan rakyat di semua peringkat.
- iv. Memacu pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan pelaburan asing dan domestik.
- v. Mengukuhkan perpaduan, kesepaduan dan keselamatan sosial dalam kalangan rakyat.



- vi. Membangunkan warganegara dan modal insan yang kompeten, berdisiplin serta cinta akan negara.
- vii. Memperkukuh sistem keselamatan negara daripada anasir luar yang boleh menggugat ketenteraman hidup rakyat.
- viii. Meningkatkan kerjasama dan peranan dengan negara-negara serantau, Pertubuhan Negara Islam (OIC) dan beberapa buah negara blok antarabangsa.
- ix. Memacu pembangunan negara bangsa selari dengan situasi yang sedang berlaku pada peringkat global.

Jika dianalisis, idealisme, gagasan dan wawasan kesemua Perdana Menteri ini tidaklah banyak perbezaannya. Hal ini berkisar pada titik sentuh dan keutamaan yang hampir sama, iaitu mencipta kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat. Perbezaan ketara hanya pada ungkapan, istilah dan slogan yang digunakan. Selain itu, strategi dan program yang diperkenalkan juga terdapat perbezaannya, namun masih kekal sama dari segi objektif dan matlamat jangka panjang, yakni dalam memacu pembangunan negara bangsa dalam konteks sosioekonomi, sosiobudaya dan psikososial.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam tempoh 66 tahun yang lalu, idealisme, gagasan dan wawasan setiap Perdana Menteri telah banyak mengubah Malaysia daripada sebuah negara dunia ketiga kepada sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi setara dengan beberapa negara seperti China, Brazil, Thailand dan Peru. Malaysia juga pernah digelar sebagai *Asian Tiger Economy* pada pertengahan tahun 1990-an kerana pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Malah banyak negara serantau yang belajar banyak perkara dari Malaysia seperti mambanteras amalan rasuah, kecemerlangan pengurusan haji, teknologi penanaman kelapa sawit, getah dan perladangan komersial. Pada suatu ketika, Malaysia pernah menjadi pengeksport utama dunia dalam komoditi kelapa sawit dan getah.

Walau bagaimanapun, di sebelah idealisme, gagasan dan wawasan Perdana

Menteri yang bersilih ganti dan diterima rakyat tersebut, turut membiaknya amalan tidak sihat seperti kronisme, nepotisme serta penyelewengan yang dilakukan secara terancang. Justeru, amalan-amalan jelik inilah yang merosakkan dan memberikan tekanan kepada idealisme, gagasan dan wawasan Perdana Menteri tersebut untuk subur dan berkembang dengan baik. Pepatah menyebutkan "bangkai gajah tidak dapat ditutup dengan nyiru" dan akhirnya banyak skandal dan penyelewengan dikesan melibatkan kerugian berbilion-bilion wang rakyat. Malah ketirisan begitu banyak berlaku dalam pemberian tender dan projek kerajaan apabila elemen kronisme dan nepotisme berleluasa dalam pentadbiran. Politik kuasa dan politik naungan juga menyebabkan berkembangnya politik wang dalam sesetengah parti politik.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Emir Research, negara kerugian lebih RM4.5 trilion sejak 26 tahun yang lalu, iaitu suatu jumlah ketirisan yang sangat besar. Malah menurut Perdana Menteri Ke-10, sebanyak RM22 bilion diperuntukkan oleh Kerajaan Perpaduan bagi membasmi kemiskinan sejak enam dekad lalu, namun masih tidak memberikan kesan yang sewajarnya. Nasib golongan miskin dan miskin tegar masih tidak dapat dibela sepenuhnya. Beberapa skandal lain yang melibatkan pemimpin politik utama masih dalam siasatan dan pendakwaan. Fenomena ini menggambarkan bahawa idealisme, gagasan dan wawasan yang dilayangkan oleh Perdana Menteri itu tidaklah semuanya sempurna dan hanya cantik di atas kertas. Namun begitu, dalam proses pelaksanaannya terdapat pelbagai kekhilafan dari segi prosedur, penyelewengan dan ketirisan yang dilakukan tanpa ada rasa tanggungjawab dan amanah kepada rakyat dan negara.

Oleh sebab itu, amat penting bagi seorang Perdana Menteri untuk melaksanakan dan memberikan komitmen terhadap komponen penting dalam idealisme, gagasan dan wawasannya

seperti integriti, keadilan, tanggungjawab moral, kemanusiaan, ketelusan, tadbir urus berkesan dan sistem penyampaian yang berkualiti benar-benar dilaksanakan dalam pembaharuannya. Idealisme, gagasan dan wawasan kepimpinan dianggap sebagai retorik apabila Perdana Menteri tidak ikhlas untuk membuktikannya dengan tindakan yang tegas dan berkesan untuk mencapainya. Selain itu, Idealisme, gagasan dan wawasan seorang Perdana Menteri tidak akan bermakna apa-apa, jika hanya difahami dan dihayati oleh segelintir pihak berkepentingan tanpa adanya usaha untuk merakyatkannya.

Maka itu, bagi melihat titik kejayaan seorang Perdana Menteri itu berjaya merakyatkan idealisme, gagasan dan wawasannya berjaya atau tidak adalah dengan adanya perubahan yang ditunjukkan dalam pencapaian pelbagai indeks global seperti indeks transparansi, indeks kebahagiaan, indeks persaingan global, indeks inovasi global, indeks demokrasi, indeks hak asasi manusia dan lain-lain. Pencapaian yang tinggi dalam aspek ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa telah berlakunya perubahan sosial yang bermanfaat untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Secara keseluruhannya, pencapaian Malaysia dalam kesemua indeks global ini adalah sederhana. Situasi ini seolah-olah memberikan suatu petunjuk bahawa terdapat faktor tersembunyi yang amat sukar diterobos dan diubah.

Pada masa yang sama, kebanyakan pemerhati politik berpandangan bahawa faktor tersembunyi yang kerap gagal diubah tentunya melibatkan rasuah dan penyelewengan yang telah berakar dan tertanam kukuh sejak berdekad-dekad lamanya. Dalam hal ini, Perdana Menteri Ke-10 telah memberikan komitmen dan tekad politik yang bersungguh-sungguh untuk memerangi rasuah dan penyelewengan sehingga ke akar umbi. Mudah-mudahan pada kali ini, idealisme, gagasan dan wawasan mampu menjadikan Malaysia MADANI sebagai sebuah negara bangsa dan benar-benar dapat direalisasikan. Sesungguhnya, usaha untuk merealisasikan pembangunan sebuah negara bangsa merupakan tanggungjawab utama oleh kepimpinan negara bagi pembangunan negara, memajukan ekonomi dan menyejahterakan rakyat, sekali gus meletakkan Malaysia pada kedudukan terbaik dalam reputasi global. □

Profesor Madya Dr. Mohd. Azhar Abd. Hamid dan Dato' Profesor Dr. Kassim Thukiman, Kumpulan Penyelidik Kepimpinan dan Kesejahteraan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.